

Ziarah KULN di Jordan

Pelajar Malaysia di Jordan ambil kesempatan berdialog dengan menteri

Oleh METRA SYAHRIL MOHAMED

(Yang mengikuti lawatan Kelab UMNO Luar Negara (KULN) ke Mesir dan Jordan baru-baru ini)

BERKUNJUNG dari rumah ke rumah, berbekalkan kuih bahu 'Kak Wan', beramah mesra, menyuntik semangat, bertanya khabar, mendengar permasalahan, 'mencatat' aduan dan ziarah.

Itu yang menjadi sandaran delegasi Kelab UMNO Luar Negara (KULN), diketuai Pengerusinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek sepanjang 'berkampung' di Mesir dan Jordan untuk bertemu sendiri anak-anak muda Malaysia yang kini 'menyusun tapak' di bumi penuh bersejarah itu, demi mengéjar segulung ijazah.

Disertai Ahli Parlimen Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merica; Naib Ketua Puteri UMNO, Zahida Zarik Khan; Setiausaha Kerja Wanita UMNO, Noor Haiza Mariena Mat Ramli; Penolong Setiausaha Wanita UMNO Kedah, Wan Mohalina Wan Mohamad; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Luit, Pahang, Nurhidayah Mohamad Shahaimi dan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penganjuran Pelajaran, Majlis Amanah Rakyat (Mara), A. Razu Abdul Razak, KULN tak 'kekak' mendekati penuntut-penuntut berkenaan, biar pun disedari Ahmad Shabery selaku Menteri Komunikasi dan Multimedia, bahawa Mesir khususnya, merupakan 'sarang' membangkang melatih pengikutnya.

Malah, KULN yang turut diwakili Setiausahanya, Datuk Abdul Shariff Hamid dan penolongnya, Zulkafli Ab. Aziz tetap bersemangat untuk saling membantu pembangunan anak bangsa, biar pun berjauhan ribuan kilometer dari tanah air.

Begitu juga dengan Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Madya Dr. Mohd. Yahya Mohamed Ariffin yang tidak memandang perbezaan ideologi atau 'kiblat' politik sebagai penghalang mencurahkan ilmu.

Suhu panas, berdepan kerenah 'pak' Arab, kesesakan jalan raya, debu pasir, semuanya juga ditempuh bersama agar matlamat merapatkan persaudaraan antara pemimpin dan anak muda Malaysia di perantaraan tercapai.

Bermula 10 hingga 16 Jun lalu, Kaherah, Mesir menjadi destinasi pertama delegasi KULN dengan program awalnya menziarahi enam penuntut Malaysia yang terlibat dalam kemalangan di Iskandariah, ketika menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Borg El Arab untuk pulang ke tanah air, awal Jun lepas.

Keenam-enam mereka ialah Ummi Nadiyah Filzah Daud (meninggal dunia 16 Jun lalu), Siti Shahirah Abdul Jalil dan Fatin Inani Md. Noh selain Najihah Najwa Zulkifli, Nuraddina Khairunaha serta Siti Nurul Aisyah Zahari. Program ziarah itu disertai Zahida, Nurhidayah dan A. Razu.

Bagi kumpulan lain yang diwakili Abdul Shariff, Noor Haiza dan Wan Mohalina, mereka memiliki misi tersendiri iaitu mendekati penuntut-penuntut Malaysia yang berada di Mansourah, yang mengambil masa kira-kira lima jam perjalanan dari Kaherah.



AHMAD Shabery Chik bersama rombongan KULN ketika melawat para pelajar Malaysia di Jordan baru-baru ini.

Memasuki hari baharu, delegasi KULN bersama Ahmad Shabery yang baru tiba dari menghadiri acara tiga hari peringkat tinggi memperingati 10 tahun Sidang Kemuncak Mengenai Masyarakat Maklumat (WSIS+10) di Geneva memulakan bicara melawat Pusat Kecemerlangan Pelajar (PKP) Rabiatal Adawiyah di Nasr City, Kaherah yang turut berlangsung pertandingan Pidato Bahasa Melayu Zon Mesir.

Ketika memberikan ucapan ringkas dalam lawatan itu, pesannya cuma satu, khusus kepada pemimpin UMNO supaya jangan meminggirkan Mesir, kerana di negara yang terkenal dengan pelbagai kisah yang tercatat di dalam al-Quran itu sudah sekian lama menjadi 'kilang' pembangkang melahirkan ejen mereka sehingga wujud tanggapan bersama UMNO dilihat sebagai tidak 'trendy'.

"Walau kecil (bilangan penuntut di Mesir) tetapi ia strategik, kerana pertentangan ideologi di Malaysia bermula di sini (Mesir)," katanya.

Meski berbaur politik, Ahmad Shabery tidak lupa menitipkan nasihat kepada penuntut supaya menjadi satu gerakan yang berpengaruh dan dihormati penduduk setempat.

"Kelab UMNO di Mesir ini mesti menjadi kelab yang boleh dibanggakan, bagaimana kita mahu membina tempat ini (kelab) supaya mampu melahirkan pemimpin-pemimpin yang berani," tegas beliau.

Menerusi pertemuan ringkas dan santai penuh bermakna itu, Ahmad Shabery turut menyerahkan sumbangan KULN dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia bernilai lebih RM100,000 untuk pembangunan penuntut dan PKP.

Turut sama menyampaikan sumbangan ialah Reezal Merican selaku Pengerusi Amanah Raya Berhad (ARB) selain

sumbangan peribadi oleh Wan Mohalina dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Biro KULN, Datuk Che Azizuddin Che Ismail.

Dalam pada itu, di sebelah malamnya, ketika sesi makan malam di Dewan Malaysia Abbasiah Kaherah (DMAK) yang dihadiri lebih 400 orang penuntut Malaysia, Ahmad Shabery tidak ketinggalan menjawab pelbagai soalan yang dikemukakan termasuk isu politik tanah air dan isu-isu semasa melibatkan jenayah siber.

Lawatan beliau ke Mesir dan diikuti Jordan untuk bertemu dengan sebilangan besar penuntut Malaysia itu merupakan amalan biasa beliau tatkala berpeluang singgah ke negara asing.

Sementara, Mesir dan Jordan merupakan antara negara yang memiliki jumlah penuntut Malaysia teramai dan memasuki ke bidang-bidang keagamaan dan perubatan, serta undang-undang syariah.

Duta kecil

Mengemudi KULN selepas menggantikan kepimpinan Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal, sudah tentu Ahmad Shabery mahukan yang terbaik untuk kelab yang ditubuhkan sejak 1956 itu terus melangkah maju dan berpengaruh.

Untuk itu, beliau mahu kepemimpinan KULN yang kini meliputi 18 buah negara perlu menjadi duta kecil negara yang terpenting dan tidak seharusnya dilihat lebih kepada sebuah badan parti politik semata-mata, sebaliknya sebagai satu bentuk jaringan penuntut Malaysia di seluruh negara.

Dan, tegasnya, jaringan menerusi KULN itu menuntun ruang lingkup kerja yang aktif, terutama di kawasan-kawasan yang berjauhan dengan pejabat kedutaan

Malaysia.

"Misalnya di Mesir, duta berada di Kaherah tetapi jaringan-jaringan melalui KULN berada di merata tempat. Kalau ada masalah, KULN ini yang akan berada di barisan hadapan untuk mendahului menyelesaikan masalah berkenaan. Ini saya lihat di Rusia, ada sesetengah tempat yang beribu batu jauhnya dari Moscow (kedutaan). Jadi kalau ada apa-apa, duta ambil masa lama untuk ke kawasan yang jauh.

"Tetapi kalau ada KULN, mereka boleh mendahulukan tugas-tugas kedutaan. Banyak kes di Rusia seperti kemalangan dan kebakaran. Ini melibatkan penuntut semua kaum, KULN perlu dahulu ambil berat sebelum pihak kedutaan tiba. Maklumlah, kalau di luar negara, cabarannya banyak dan KULN ialah duta-duta kecil negara," katanya.

Beliau menjelaskan, walaupun keanggotaan KULN kini boleh dikatakan membanggakan, namun terdapat beberapa perkara yang perlu ditambah baik supaya kelab itu sentiasa dipandang relevan.

"Pastinya, kita mahukan penambahbaikan dalam KULN. Saya sendiri mahu KULN melengkapkan data anak-anak Melayu di perantaraan dari segi peribadi, di mana mereka menetap, apakah pembiayaan (tajaan pelajaran) mereka. Ini perlu dilengkapkan. Mungkin saya minta KULN supaya lihat perlunya satu aplikasi untuk menjadikan ia sebagai rujukan dan bentuk rangkaian untuk menyatukan anak-anak Melayu ini.

"Dari segi kepimpinan, saya lihat KULN mampu melahirkan pemimpin masa depan kerana dalam kelab ini, kita diajar corak memimpin yang tiada dalam kuliah. Ini termasuk bagaimana cara untuk menangani cabaran-cabaran," ujar beliau.